

NOTIS DAN TATACARA PENTADBIRAN KEMASUKAN PELAJAR KE KOLEJ-KOLEJ KEDIAMAN SEMESTER 2 SESI AKADEMIK 2021/2022

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Mulai semester 2 Sesi Akademik 2021/2022, pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris yang ditentukan oleh **Fakulti** dibenarkan kembali ke kampus.



PELAJAR YANG DIBENARKAN MENDAFTAR DI KOLEJ KEDIAMAN

1 PENDAFTARAN UNTUK MENGINAP DI KOLEJ KEDIAMAN

- Pendaftaran pelajar baharu Ijazah Sarjana Muda 13 Mac 2022 (Ahad).
- Pendaftaran pelajar Ijazah Sarjana Muda (Fasa 1) 20 Mac 2022 (Ahad).
- Pendaftaran pelajar Ijazah Sarjana Muda (Fasa 2) 8 Mei 2022 (Ahad).

2 PELAJAR YANG TELAH LENGKAP VAKSINASI

- membuat **ujian saliva test** bertempat di Padang Kawad UPSI.
- mengisytiharkan keputusan kepada pihak kolej kediaman semasa urusan pendaftaran kolej dan pengambilan kunci.

3 PELAJAR YANG BELUM LENGKAP VAKSINASI

- menjalani ujian pengesanan COVID-19 melalui kaedah RT-PCR dan berkeputusan NEGATIF tiga (3) hari sebelum memasuki kampus dengan perbelanjaan sendiri.
- membuat **ujian saliva test** bertempat di Padang Kawad UPSI.
- mengisytiharkan keputusan kepada pihak kolej kediaman semasa urusan pendaftaran kolej dan pengambilan kunci.
- perlu membuat **ujian RTK-Ag** dengan **kekerapan sekali (1) dalam tempoh seminggu** dengan menggunakan perbelanjaan sendiri dan mengemaskini keputusan ujian tersebut kepada pihak fakulti dan kolej kediaman.


4 PELAJAR YANG BERADA DALAM STATUS PERSON UNDER INVESTIGATION (PUI)

- **atau** pelajar yang diarahkan oleh pihak berkuasa kesihatan untuk **self-quarantine** di rumah ataupun dari kawasan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) adalah sama sekali **TIDAK DIBENARKAN** memasuki kampus sehingga **tempoh kuarantin tamat**.



TATACARA SARINGAN DAN PENILAIAN RISIKO JANGKITAN COVID-19

- Sebelum memasuki kawasan UPSI, pelajar **DIWAJIBKAN** mengisi **Health Declaration** di dalam MyUPS! Portal pelajar **SEHARI** sebelum tarikh pergerakan kembali ke kampus (**menu Student Post MCO**).
- membuat **Penilaian Risiko Jangkitan COVID-19** dengan menunjukkan paparan keputusan saringan kepada pihak berkuasa keselamatan di pintu masuk ke kolej-kolej kediaman.
- Pengiring pula **DIWAJIBKAN** mengimbas **QR Code** yang disediakan dengan menggunakan aplikasi MySejahtera.
- Pelajar (**senior**) yang memohon kolej kediaman perlu menyemak keputusan permohonan penginapan kolej di MyUPS! Portal Pelajar.
- Semua pelajar perlu membuat pengesahan setuju terima kembali ke kampus dengan mengemaskini status vaksinasi (**menu Student Post MCO**).
- Sekiranya didapati **demam atau bergejala**, pelajar tersebut akan dirujuk ke **Pusat Kesihatan Universiti (PKU)** sebelum dibenarkan untuk memasuki premis kolej kediaman.



TATACARA PENGURUSAN KEHADIRAN PELAJAR DAN PENGURUSAN DIRI DI KOLEJ KEDIAMAN

- Kehadiran pelajar dan pengiring ke dalam kampus akan dipantau dengan teliti oleh pihak UPSI. **Bagian Keselamatan Universiti** bertanggungjawab untuk memastikan hanya pelajar yang **berisiko rendah** dibenarkan masuk ke kolej kediaman.
- Kemasukan ke kolej kediaman hanya dihadkan melalui **pintu masuk terkawal yang telah ditetapkan sahaja** bagi memudahkan pemantauan dilakukan.
- **Kenderaan pelajar dan pelawat** dinasihatkan diletakkan di **kawasan yang dibenarkan sahaja** untuk mengelakkan kesesakan dan menghalang lalu lintas. Ibubapa/penjaga/pengiring **menurunkan pelajar di hadapan pejabat kolej yang telah ditetapkan** berdasarkan kepada surat tawaran secara **pandu lalu**.
- Pendaftaran kolej bagi pelajar baharu **Ijazah Sarjana Muda** bermula pada **13 Mac 2022 (Ahad)** dan pendaftaran pelajar **Ijazah Sarjana Muda (Fasa 1)** pada **20 Mac 2022 (Ahad)**, manakala pendaftaran pelajar **Ijazah Sarjana Muda (Fasa 2)** pada **8 Mei 2022 (Ahad)**. Waktu urusan pendaftaran bermula jam **8.30 pagi hingga 4.30 petang** mengikut sesi pendaftaran.
- Pelajar **DIWAJIBKAN** mendaftar di kolej yang ditetapkan dan mendaftar menggunakan aplikasi MySejahtera sebelum memasuki blok kediaman asrama.
- Pelajar **tidak dibenarkan membawa ahli keluarga ke blok kediaman asrama** bagi mengelakkan kesesakan (*crowded*) dan menyukarkan penjarakan fizikal.
- Pelajar yang berurusan dengan petugas kolej ketika pendaftaran perlu mengambil langkah-langkah seperti mengukur suhu badan (jika pelajar merasakan perlu), **penjarakan fizikal** (jarak 1 meter), **sentiasa memakai pelitup muka (face mask)** dan mengamalkan kebersihan diri.
- Pelajar yang dibenarkan hadir akan ditempatkan di blok kediaman yang telah ditetapkan bagi memudahkan pemantauan oleh pihak pengurusan kolej.
- **Kafeteria dalam kampus** akan dibuka dari **jam 6.00 pagi hingga jam 11.00 malam** untuk kemudahan pelajar membeli makanan dan keperluan lain.
- Pelajar perlu menjaga kesihatan diri masing-masing sepanjang berada di kolej kediaman. Pelajar yang **demam atau bergejala**, perlu melaporkan kepada **pihak pengurusan kolej atau Pusat Kesihatan Universiti (PKU)** dengan **kadar segera**. Penempatan pelajar yang sakit di bilik pengasingan yang disediakan di kolej masing-masing akan bergantung pada nasihat dan saranan pihak PKU seterusnya.



BILIK OPERASI COVID-19

UPSI juga menyediakan Bilik Operasi COVID-19 di **Aras 1, Bangunan Pusat Pelajar, Kampus Sultan Azlan Shah (KSAS)** bagi menyelaras urusan berkaitan keselamatan, kebajikan dan kesihatan pelajar semasa di kampus yang beroperasi **24 jam**.



PEJABAT PENTADBIRAN KOLEJ

Sebarang pertanyaan berkaitan dengan **pengurusan kolej kediaman**, boleh dihubungi melalui nombor telefon seperti berikut:



TALIAN PEJABAT PENTADBIRAN KOLEJ

Kolej Harun Aminurrashid (KHAR)	015 - 4879 7900
Kolej Ungku Omar (KUO)	015 - 4879 7100
Kolej Awang Had Salleh (KAHS)	015 - 4879 7988
Kolej Za'ba (KZ)	05 - 458 2957
Kolej Aminuddin Baki (KAB)	05 - 458 0592
Unit Kediaman Luar Kampus (UKLK)	05 - 450 6964



HAL-HAL LAIN

- Pelajar yang hadir ke **kolej kediaman** adalah tertakluk kepada **pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP)** yang ditetapkan dari semasa ke semasa.
- Pelajar diminta sentiasa **memakai pelitup muka (face mask)**, menggunakan **hand sanitizer** dan sentiasa mengamalkan aspek kebersihan diri sentiasa seperti kerap **mencuci tangan** dan mandi serta menjaga **penjarakan fizikal** sepanjang berada dalam kawasan kolej.
- Pelajar yang telah mendaftar dan ingin **keluar dari kawasan kolej melibatkan jangka masa yang lama** (seperti balik kampung dan lain-lain), perlu memaklumkan kepada pihak **Fakulti dan Kolej Kediaman** untuk tujuan perekodan.